Misteri Etnik
Azrul Affandi Sobry Wartawan
Khairull Azry Bidin Jurugambar

Pengantin Bugis kena lumba berdiri da

Adat dulu larang pasangan tidur bersama untuk tempoh tertentu sel

BAHASA kiasan diberi – *"Dua mi walah sampo, ungenna panasaeh, beloh beloh na kanukue. Ia roh bunga rositta, teppu tabbakkak toni, engkah nah gah sappoh nah* (Ada dua hajat begitu besar, berbunga nangka, besar sekali hajat di hati)."

Jawapan – *"Dekgaga gah fasak ri liputtah, balanca ri kampung tah, mulinccok mabelah* (Tidak adakah pasar di kampung tuan sampai terpaksa melencong sejauh ini?"

Itulah antara bait kata-kata dilafazkan antara dua pihak ketika adat peminangan dalam masyarakat Bugis. Tidak banyak berbeza dengan masyarakat Melayu lain yang suka berkias dan berpantun untuk menyatakan sesuatu hasrat. Namun, keunikannya tentulah pada bahasa yang berbeza.

"Engkah nak fasak ri liputtah, balanca ri kampong tah, na iyyak nyawah mi ku sappak (Bukan tiada pasar lain untuk kami berbelanja, tetapi apa yang kami cari ada di kampung tuan)"

Dengan rendah diri, keluarga pihak wanita akan menjawab – *"Inganaroh melok ri bungah tah, bungah temmadaunggeh, bungah temmatajeh weh* (Siapalah yang mahukan bunga kami yang tidak bertangkai dan tidak juga berdaun ini)."

Adat dalam menguruskan perkahwinan masyarakat Bugis banyak simboliknya. Ia sudah bermula sejak peminangan dibuat, sehinggalah pada hari perkahwinan itu sendiri. Malah, sama seperti orang Melayu, adat merisik juga dilakukan dikenali sebagai mapesek atau mammanuk. Ia bertujuan untuk mengetahui sama ada perempuan itu sudah berpunya atau sebaliknya dan dilakukan dengan menyelidik menerusi pertanyaan secara rahsia antara keluarga terdekat.

Bagi menggambarkan kedudukan keluarga begitu penting dalam masyarakat Bugis, walaupun ia tidak begitu dipraktikkan sekarang, istilah kasiratang atau sikappuk digunakan iaitu memastikan kedua-dua calon pengantin mesti sama taraf dari segi keturunan, darah dan darjat.

Menurut pensyarah kanan, Pusat Pengajian Sejarah, Politik, Strategi dan Hubungan Antarabangsa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Rahilah Omar, kedudukan atau darjat dalam masyarakat Bugis masih kuat dipegang sehingga kini dan penghormatan untuk golongan berdarah bangsawan masih dipraktikkan.

"Difahami, dulu ketika ramai golongan bangsawan Bugis dari Sulawesi yang berhijrah ke negara lain termasuk Tanah Melayu, mereka membawa bersama ramai hamba atau orang suruhan. Justeru, kini di Malaysia ada dua kelompok kedudukan masyarakat itu iaitu berdarah bangsawan dan orang biasa atau suruhan.

"Kini, walaupun jika orang berdarah bangsawan tidak berkerjaya hebat dan tidak juga kaya, mereka tetap dilayan dengan baik dan dihormati dalam sesuatu majlis. Andai kata ada seorang berdarah orang suruhan, tetapi sudah kaya dan berkerjaya hebat, dia tetap akan layan mereka berdarah bangsawan dengan cukup baik kerana mereka ini sedar siapa keturunan mereka dulu.

"Orang yang ada darah Daeng selalunya dilayan cukup baik. Tempat duduk mereka ketika kenduri perkahwinan pun selalunya tempat khas. Begitu kuat sekali orang Bugis berpegang pada budaya ini dan ia turut dipraktikkan dalam soal penyatuan jodoh. Selalunya golongan berdarah bangsawan akan kahwin dengan mereka yang setaraf atau lebih tinggi untuk mengekalkan salasilah keluarga bangsawan itu," katanya.

Berbalik pada adat perkahwinan, pengkaji sejarah dan budaya Bugis, Abdul Hadi Ambok Intang, 41, berkata adat peminangan masyarakat Bugis dikenali maddutah atau massuroh. Biasanya ketika peminangan dibuat, pihak lelaki membawa bersama tujuh ikat daun sirih (setiap ikat mempunyai tujuh lembar sirih), tujuh biji pinang, tujuh biji gambir, tujuh bungkus kapur, tujuh bungkus tembakau, sebentuk cincin permata dan sepasang baju serta sarung tenun.

"Dalam upacara peminangan 'tanra essoh' dibuat, iaitu perbincangan menentukan hari perkahwinan dan 'balancah' iaitu belanja kahwin serta 'sompah' (mas kahwin). Rombongan ini biasanya terdiri daripada lelaki dan perempuan berpakaian Bugis serta dipimpin orang yang lebih tua atau lebih tinggi darjatnya berpakaian baju hitam iaitu 'baju bolong'.



> *Mas kahwin (sompah) pula berdasarkan darjat keturunan seseorang. Sekiranya pengantin perempuan berdarjat tinggi manakala lelaki sebaliknya, mas kahwinnya berlipat kali ganda dipanggil sebagai 'panggelli darah'. Ia sebenarnya satu kaedah penolakan peminangan secara berhemah kerana darjat tidak sama*
>
> **Abdul Hadi Ambok Intang**
> Pengkaji sejarah dan budaya Bugis

"Rombongan ini akan dijamu dengan kuih manis seperti 'barongkah'. Acara menentukan hari pula berdasarkan kitab Bugis, iaitu berdasarkan bulan Islam. Ada bulan yang tidak sesuai seperti Muharam yang dikatakan boleh mengakibatkan pasangan asyik makan hutan, Safar (tidak seia sekata), Rabiulawal (cepat jadi duda atau janda), Rabiulakhir dan Jamadilawal (mudah bergaduh), Rejab (hanya anak akan kaya tetapi pasangan itu sebaliknya), Syawal (mudah sakit) serta Zulkaedah (mudah berhutang).

"Bulan dianggap terbaik dalam kitab Bugis ialah Jamadilakhir (mendapat rezeki sebanyaknya), Syaaban (selamat sejahtera ke anak cucu) dan Zulhijjah (mendapat semua dihajatkan). Balancah atau belanja kahwin selalunya ditetapkan dengan persetujuan bersama kedua-dua belah pihak.

"Mas kahwin (sompah) pula berdasarkan darjat keturunan seseorang. Sekiranya pengantin perempuan berdarjat tinggi manakala lelaki sebaliknya, mas kahwinnya berlipat kali ganda dipanggil sebagai 'panggelli darah'. Ia sebenarnya satu kaedah penolakan peminangan secara berhemah kerana darjat tidak sama," katanya.

Selepas selesai upacara peminangan, ada pula upacara khusus, 'mangantarak passiok' iaitu acara menghantar pengikat sebagai tanda jadi. Bagi golongan bangsawan, barang dibawa ialah cincin, alat berhias seperti sikat, pisau atau kacip daripada emas serta kain kelambu, baju boddoh dan kain paddenring (tirai dinding).

Menjemput tetamu untuk majlis perkahwinan dikenali 'mappadak' atau 'mattompah' manakala acara penyembelihan kerbau atau lembu pula dipanggil 'maccerak falaming. Sebelum majlis, bakal pengantin dimandi wap (mappisauh) terlebih dulu badannya disapu dengan bedak bolong (bedak daripada beras yang digoreng tanpa minyak bercampur asam jawa dan limau nipis). Bahan wap dihasilkan melalui pembakaran campuran ramuan 40 jenis akar dimasukkan ke dalam belanga sehingga mendidih.

ROMBONGAN peminangan biasanya terdiri daripada lelaki dan perempuan berpakaian Bugis serta dipimpin orang lebih tua atau lebih tinggi darjat berpakaian baju hitam iaitu 'baju bolong'.

Selama tiga malam berturut-turut acara 'mappacih' atau 'tudung pennih', iaitu berinai dilakukan pada sebelah malam sebelum hari perkahwinan dan ia hanya khusus untuk pengantin perempuan saja. Pada malam berinai terakhir, bakal pengantin lelaki akan datang ke rumah bakal isteri untuk melihat perempuan itu dari jauh atau hanya dibenarkan meninjau dari tingkap (mattu-

Paling menyeksakan dalam adat mereka yang diamalkan dulu ialah apabila pengantin tidak dapat tidur bersama selama tempoh tertentu kerana ada pengiring yang akan tidur dalam bilik pengantin dan biasanya orang itu ialah mak andam

Bachok Kandang
Pakar rujuk masyarakat Bugis

alam kain

epas berkahwin

B/H 16/12/2011

dduk majjajjarang). 36/37

Pada hari perkahwinan, pengantin lelaki akan berkunjung ke rumah perempuan dengan menggunakan kaedah berbeza berdasarkan darjat. Jika golongan atasan, lelaki akan duduk di atas 'panca botting' (usungan) sambil ditemani empat orang. Dia juga akan diiringi seorang pembawa pedang, seorang tua yang membawa bara api, tujuh pemain muzik, seorang pembawa payung kuning emas, seorang kanak-kanak perempuan berusia 10 tahun dengan perhiasan dan seorang rakannya membawa lilin dan beberapa lagi kanak-kanak membawa pelita.

Ketika pengantin tiba di tangga rumah, dia perlu melalui kepala kerbau yang dibungkus kain kuning, tanah selebar tapak kaki diletakkan di atas piring emas, periuk tanah berisi telur dan kaki lelaki perlu dicuci dengan cerek emas oleh orang tua yang berdarjat lebih rendah.

Upacara pernikahan berjalan seperti biasa cuma ada sesetengahnya diiringi muzik paluan gendang. Selepas itu, dia akan dipimpin masuk ke kamar pengantin perempuan oleh 'indok botting' (mak andam) untuk upacara menyentuh satu anggota tubuh isterinya (ipasikarawai).

Paling unik dalam adat perkahwinan orang Bugis dulu ialah 'mappalluang' (lumba berdiri). Ia dilakukan dalam bilik isteri dengan keduanya dimasukkan dalam kain dan berlumba untuk berdiri selepas kain dicucuk jarum sebanyak tiga kali. Sesiapa yang berjaya berdiri lebih dulu selepas tiga kali dicucuk jarum maka dia dikatakan bakal mampu menundukkan pasangannya.

Pakar rujuk masyarakat Bugis, Bachok Kandang, 65, berkata paling menyeksakan dalam adat yang diamalkan dulu ialah apabila pengantin tidak dapat tidur bersama selama tempoh tertentu kerana ada pengiring yang akan tidur dalam bilik pengantin dan biasanya orang itu ialah mak andam.

"Terpulang, ada tiga hari, tujuh hari dan ada sampai sebulan. Saya dulu ketika berkahwin, tiga hari tidak dapat tidur dengan isteri. Kini semua adat perkahwinan rumit masyarakat Bugis kurang diamalkan lagi, tetapi masih ada yang diteruskan, bergantung kepada keluarga terbabit," katanya.

Nyata jika diperincikan semua adat dalam masyarakat Bugis, tentunya tidak terdaya untuk diamalkan kini selain terlalu renyah, ia turut membabitkan kos tinggi. Namun, diakui beberapa keluarga di Benut dan Kukup masih meneruskan sebahagian adat ini, termasuk penetapan hari perkahwinan.

– Bersambung esok

PENGANTIN perempuan Bugis diarak antara keunikan perkahwinan masyarakat itu.



PADA hari perkahwinan pengantin lelaki berkunjung ke rumah perempuan dengan menggunakan kaedah berbeza berdasarkan darjat.

Keturunan dewa darjat tertinggi masyarakat

MASYARAKAT Bugis amat prihatin dengan kedudukan dan darjat seseorang dalam masyarakat mereka. Mereka yang berdarjat tinggi selalunya tidak berhubungan dengan mereka yang berdarah orang kebanyakan. Malah, ada sebahagian orang Bugis tidak bergaul dengan masyarakat lain seperti Melayu atau Jawa kerana mereka beranggapan tidak setaraf.

Namun, dewasa ini senario itu semakin terhakis. Sudah ada aktiviti bersama tidak kira golongan bangsawan atau sebaliknya. Malah, tidak ramai juga yang mengambil tahu sama ada seseorang itu mempunyai kasta rendah atau tinggi. Bagaimanapun, ia tidak pula terhakis sepenuhnya.

Ada beberapa gelaran untuk menunjukkan darjat seseorang dalam masyarakat Bugis dengan golongan Anak Matollah dikenali sebagai peringkat tertinggi yang melayakkan mereka menjadi Sultan atau pemerintah bagi sesuatu kawasan jajahannya. Kebiasaannya, mereka yang mempunyai darah keturunan ini mesti dipanggil dengan nama Datu, Keraing, Petta, Bauk dan Arung.

Orang Bugis percaya golongan Anak Matollah ini berasal daripada keturunan dewa dan hanya satu peratus daripada keseluruhan masyarakat itu sama ada di Sulawesi mahupun di seluruh dunia. Mereka ini menggunakan nama awalan seperti Datu, Petta Arung, Petta Bauk, Bauk, Keraing, Ufu atau Arung.

Kelas kedua dalam darjat orang Bugis pula ialah Anak Arung terdiri daripada keluarga atau waris Sultan atau pemerintah. Mereka ini dipanggil dengan gelaran Fung atau Fuang dan juga dipercayai berasal daripada darah dewa. Anak Arung hanya ada lima peratus daripada keseluruhan masyarakat Bugis dan menggunakan nama awalan Andik.

Tau Deceng ialah golongan bangsawan kasta kedua dan dikatakan mempunyai salasilah keturunan daripada Anak Matollah dan Anak Arung. Mereka ini selalunya dilantik sebagai pembesar di istana dan turut menggunakan gelaran Fuang. Juga dikatakan berasal daripada keturunan dewa.

Golongan yang dikatakan seramai 25 peratus daripada keseluruhan masyarakat Bugis ini menggunakan nama awalan seperti Daeng atau Daing, Ambik dan Indok serta turut dihormati sebagai antara bangsawan yang paling ramai berhijrah, termasuk ke negara ini.

Paling ramai dalam masyarakat Bugis ialah golongan Tau Maradeka atau orang kebanyakan yang jumlahnya kira-kira 60 peratus daripada keseluruhan masyarakat. Mereka ialah orang biasa atau rakyat jelata dari segi adatnya tidak layak sama sekali digelar Fung atau Fuang dan hanya dipanggil sebagai Wak.

Masyarakat Bugis juga mempunyai kelompok paling rendah, iaitu Atah atau hamba sahaya yang tidak layak bergaul dengan golongan atasan terutama Anak Matollah, Anak Arung dan Tau Deceng. Meskipun kini tidak ada lagi hamba sahaya, namun kedudukan martabat dan darjat mereka akan kekal sehingga ke anak cucu dan keturunan seterusnya. Bilangan mereka ini sekitar 10 peratus daripada keseluruhan masyarakat Bugis.

Maklumat ini diberikan pengkaji budaya dan sejarah masyarakat Bugis, Abdul Hadi Ambok Intang. Berdasarkan nama gelaran ibunya, Induk Chichuk Hadadek, dapat difahami mengapa keluarga ini begitu kuat mempertahankan budaya kerana berasal daripada darah Tau Deceng atau golongan bangsawan kasta kedua.

Difahamkan, sensitiviti masyarakat itu berkenaan kedudukan ini begitu tinggi sehinggakan menjadi satu kesalahan jika ada yang sengaja menamakan anak mereka dengan nama awalan Daeng, sedangkan bukan daripada darah keturunan itu. Malah, reka bentuk rumah juga tidak boleh sebarangan menggunakan tanda atau simbol yang hanya layak untuk golongan atasan.